

02/09/2002

RTM diminta siar ucapan penuh Nik Aziz

Baharom Bakar

KUALA TERENGGANU, Ahad - Jabatan Penerangan Negeri Terengganu meminta Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) menyiarkan penuh klip video ucapan dua pemimpin Pas iaitu Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan bekas Ahli Parlimen Bachok, Bunyamin Yaakob, yang mempersendakan agama dan memfitnah.

Pengarah Penerangan negeri, Mohd Nasir Salleh, berkata tindakan RTM menyiarkan sebahagian daripada ucapan dua pemimpin berkenaan menyebabkan ada yang mendakwa sedutan dan klip video itu dianggap rekaan.

Katanya, berikutan tayangan semula klip video dan sedutan ucapan itu membuatkan pemimpin Pas tertekan dan menuduh RTM melakukan fitnah.

"Mereka juga mencabar RTM menyiar penuh ucapan yang didakwa berunsur fitnah dan memutarbelitkan ucapan sebenar kedua-dua pemimpin berkenaan," katanya berucap merasmikan perhimpunan sambutan kemerdekaan kali ke-45 di Padang Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Tumbuh di sini, semalam.

Kira-kira 5,000 pengunjung hadir menyaksikan pelbagai acara yang diadakan sempena sambutan kemerdekaan anjuran Biro Penerangan Umno dengan kerjasama Jabatan Penerangan negeri.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Seberang Takir, Datuk Abdul Rashid Ngah dan Ketua Penerangan Umno negeri, Mohd Nasir Ibrahim Fikri, hadir pada majlis itu.

Mohd Nasir berkata, berikutan hanya sebahagian daripada sedutan ucapan Nik Aziz yang merujuk Allah sebagai samseng, menyebabkan kalangan penyokong Pas menuduh RTM memutarbelitkan fakta sebenar.

Beliau turut menafikan wartawan sama ada dari media elektronik dan cetak di negara ini membuat laporan tidak berasas kerana mereka mempunyai bukti kukuh.

"Berikutan siaran ucapan penuh Nik Aziz menjadikan kedudukan pemimpin dan kerajaan Pas di Kelantan dan Terengganu semakin menggelabah dan tertekan," katanya.

Mohd Nasir berkata, selain rakaman wartawan, RTM juga memperolehi bukti ucapan Nik Aziz yang mengaitkan Allah sebagai samseng melalui video cakera padat (VCD) yang dirakam dan dijual penyokong Pas di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (Putik) Kota Bharu.

Selain Nik Aziz, katanya, RTM juga mempunyai bukti dan akan menyiarkan ucapan penuh Bunyamin yang memfitnah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menonton video lucah bersama cucunya.

"Jika mereka menuduh wartawan media elektronik dan media cetak memutarbelitkan isu berkenaan, bagaimana pula dengan VCD yang dirakam dan dijual secara berleluasa oleh penyokong Pas.

"Apakah penyokong Pas yang merakamkan ucapan dan menjual VCD itu juga memutarbelitkan isu itu," katanya.